

13 JAN 2001

SAYA JUMPA TUN DAIM DI PUTRAJAYA, KATA SYED RAZAK

ALOR SETAR, 13 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata kunjungan beliau ke Putrajaya semalam adalah untuk menemui Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin.

Beliau menafikan ada berjumpa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika di sana seperti yang dilaporkan sebuah akhbar tempatan hari ini menyebabkan spekulasi yang beliau akan meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar timbul kembali.

Awal bulan ini, Syed Razak telah menafikan laporan akhbar berbahasa Cina bahawa beliau akan meletak jawatan dalam tempoh terdekat ini.

"Saya tidak berjumpa dengan Perdana Menteri semalam. Dan saya tidak tahu sekiranya rombakan Kabinet akan melibatkan Menteri Besar. Itu keputusan Perdana Menteri dan hanya beliau boleh beri komen tentang itu (kedudukan Syed Razak sebagai MB)," katanya kepada pemberita selepas majlis Aidilfitri Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di sini, hari ini.

Katanya, beliau berjumpa dengan Daim bagi membincangkan hal pembangunan negeri.

-- BERNAMA

MNH MZM NZ PR